# SOALAN LAZIM PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM

**1. Apakah tujuan Peperiksaan Perkhidmatan diadakan?**

Tujuan Peperiksaan Perkhidmatan diadakan adalah sebagai memenuhi keperluan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) untuk pengesahan dalam perkhidmatan. AKP dalam skim perkhidmatan tertentu dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan bagi memenuhi salah satu syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.

**2. Apakah syarat-syarat menduduki Peperiksaan Perkhidmatan?**

AKP yang ingin menduduki Peperiksaan Perkhidmatan hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

i) telah dilantik secara tetap ke skim perkhidmatan sekarang;
ii) berada dalam tempoh percubaan; dan
iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

**3. Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan menduduki Peperiksaan Perkhidmatan?**

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui laman web Sistem Peperiksaan Perkhidmatan Awam (SISPPA) http://sisppa.moe.gov.my/login.php. Calon boleh merujuk kepada Manual Pengguna yang disediakan dalam SISPPA sebagai panduan untuk memohon dan mendaftar. Calon yang berjaya mendaftar permohonan mereka melalui SISPPA perlu mencetak Akuan Permohonan sebagai rujukan dan bukti permohonan.

**4. Berapakah kekerapan Peperiksaan Perkhidmatan dijalankan di Kementerian Pendidikan Malaysia?**

Peperiksaan Perkhidmatan dijalankan dua (2) kali (sesi) setahun sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Peperiksaan yang dimuatnaik setiap tahun dalam SISPPA. Jadual Peperiksaan ini adalah tertakluk kepada sebarang perubahan jika ada, yang akan ditentukan oleh Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi, Kementerian Pendidikan Malaysia.

**5. Bilakah calon boleh membuat permohonan Peperiksaan Perkhidmatan?**

Permohonan boleh dibuat melalui SISPPA sebelum tarikh tutup yang ditetapkan. Tarikh pendaftaran permohonan akan dimaklumkan di dalam laman SISPPA.

6. **Berapakah kertas peperiksaan yang perlu diambil oleh calon Peperiksaan Perkhidmatan?**

Kertas peperiksaan yang perlu diambil oleh calon bergantung kepada jawatan dan sukatan peperiksaan yang ditetapkan. Calon hanya perlu menduduki kertas peperiksaan yang belum lulus sahaja pada satu-satu peperiksaan. Calon boleh merujuk laman web SISPPA untuk melihat sukatan dan kertas peperiksaan yang perlu diambil.

7. **Adakah calon mesti menduduki semua kertas peperiksaan yang belum lulus pada satu-satu peperiksaan?**

Ya. Calon perlu menduduki semua kertas yang belum lulus pada satu-satu peperiksaan. Calon yang tidak mendudukinya akan dianggap sebagai tidak menghadiri kertas peperiksaan tersebut.

8. **Bolehkah calon yang telah tersalah mendaftar kertas peperiksaan menukar kertas peperiksaan tersebut?**

Calon boleh menukar kertas peperiksaan yang didaftarkan sebelum tarikh tutup permohonan untuk peperiksaan berkenaan. Jika kesilapan disedari selepas tarikh tutup permohonan, calon hendaklah menghubungi pasukan SISPPA untuk dibuat pembetulan.

9. **Apa yang perlu dilakukan oleh calon sekiranya berlaku kesilapan maklumat semasa mendaftar?**

Calon boleh membuat pembetulan atau mengemaskinikan maklumat tersebut sebelum tarikh tutup permohonan kecuali maklumat tertentu seperti nombor kad pengenalan. Selepas tarikh tutup permohonan, calon perlu menghubungi pasukan SISPPA untuk membuat pembetulan atau pindaan maklumat.

10. **Apa yang perlu dilakukan oleh calon sekiranya terlupa kata laluan di SISPPA?**

Calon perlu klik Lupa Kata Laluan di Log Masuk Pengguna. Seterusnya, calon perlu mengisi maklumat seperti Nama Penuh dan Nombor Kad Pengenalan kemudian klik Hantar. Kata Laluan akan dihantar ke emel peribadi calon yang telah diisi oleh calon dalam Modul Peribadi semasa membuat permohonan awal di laman SISPPA.

11. **Apakah yang patut dilakukan oleh calon-calon yang ingin memohon tetapi bertugas di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan atau akses kepada internet?**

Calon-calon yang terlibat boleh memohon melalui kaedah berikut:

i) Calon boleh mendaftar sendiri dengan menggunakan kemudahan internet yang ada di tempat (contohnya di sekolah, PPD atau cybercafé) yang berhampiran; atau

ii) Mengisi borang permohonan secara manual dan menghantarnya ke PPD / JPN untuk didaftarkan.

**12. Bolehkah calon mendapatkan skema jawapan bagi soalan Peperiksaan Perkhidmatan tahun lepas?**

Tidak boleh kerana skema jawapan tersebut adalah dokumen terperingkat (SULIT).

**13. Adakah calon boleh membuat rujukan semasa peperiksaan?**

Calon hanya dibenarkan membuat rujukan semasa peperiksaan bagi kertas peperiksaan tertentu sahaja seperti yang dinyatakan dalam sukatan peperiksaan.

**14. Adakah Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi menyediakan bahan rujukan?**

Tidak. Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi hanya menyediakan sukatan peperiksaan yang mengandungi senarai rujukan dan sukatan tersebut boleh dimuat turun dari laman web SISPPA.

**15. Bilakah tiket peperiksaan akan dikeluarkan?**

Tiket peperiksaan akan dikeluarkan melalui SISPPA dalam tempoh dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan. Calon boleh menyemak dan mencetak tiket peperiksaan tersebut untuk dibawa bersama semasa menghadiri peperiksaan di pusat peperiksaan yang ditetapkan.

**16. Bagaimanakah pusat peperiksaan calon ditetapkan?**

Penetapan pusat peperiksaan seseorang calon adalah mengikut alamat tempat bertugas iaitu di pusat peperiksaan yang berhampiran dengan tempat bertugas calon. Oleh itu calon diingatkan supaya mengisi dengan betul dan tepat mengenai maklumat tempat bertugas dalam SISPPA.

**17. Bolehkah calon memohon pertukaran pusat peperiksaannya?**

Boleh atas sebab rasmi sahaja. Permohonan hendaklah dibuat melalui SISPPA tidak lewat dari satu (1) minggu sebelum tarikh peperiksaan.

**18. Bilakah keputusan peperiksaan akan dikeluarkan?**

Keputusan bagi satu-satu sesi peperiksaan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak lewat dari tiga (3) bulan selepas tarikh akhir peperiksaan tersebut diadakan**.** Ini adalah seperti yang termaktub dalam Piagam Pelanggan Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi. Calon boleh menyemak dan mencetak slip keputusan peperiksaan melalui SISPPA. Slip keputusan peperiksaan ini boleh digunakan untuk tujuan rasmi.

**19. Selain daripada mengakses terus melalui SISPPA, apakah alternatif lain yang boleh digunakan oleh calon untuk mengetahui atau mendapatkan maklumat mengenai tiket peperiksaan dan keputusan Peperiksaan Perkhidmatan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia?**

Calon boleh menggunakan perkhidmatan myUSSD *158# yang dilaksanakan di bawah projek myGov Mobile. myUSSD *158# adalah merupakan perkhidmatan interaktif menggunakan telefon mudah alih yang dibangunkan oleh MAMPU. Pengguna telefon mudah alih bagi syarikat telekomunikasi Celcom, Maxis dan Digi boleh mengakses perkhidmatan ini dengan membuat panggilan ke *158# dengan caj perkhidmatan kepada pengguna sebanyak RM0.35 bagi satu sesi (caj untuk sesi 2 minit + 2 minit). Maklumat lanjut berkaitan perkhidmatan myUSSD *158# boleh diperolehi menerusi Portal Rasmi Kerajaan Malaysia di www.malaysia.gov.my dan Portal Rasmi myGov Mobile di www.mymobile.gov.my

**20. Siapakah pegawai yang boleh dihubungi jika terdapat sebarang pertanyaan berkenaan Peperiksaan Perkhidmatan di Kementerian Pendidikan Malaysia?**

Calon boleh menghubungi pasukan SISPPA di alamat e-mel sisppa@moe.gov.my atau boleh membuat carian di laman SISPPA (HUBUNGI KAMI) untuk senarai penuh pegawai.